

**UCAPAN
YANG BERHORMAT
PEHIN ORANG KAYA SERI UTAMA
DATO SERI SETIA AWANG HAJI YAHYA BIN BEGAWAN MUDIM
DATO PADUKA HAJI BAKAR
MENTERI PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

SEMPENA

**MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA
1435H/ 2014M**

**BERTEMPAT
DEWAN SETIA PAHLAWAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

**PADA
HARI JUMAAT
22 SYAWAL 1435/ 22 OGOS 2014**

BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM

Yang Mulia

Dayang Mariani Binti Haji Sabtu

Pemangku Pengarah Kemajuan Pelancongan

Yang Mulia

Awang Nordin Bin Ahmad

Ketua Pusat Promosi dan Pemasaran

Selaku Pengerusi Bersama Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri
2014

Kementerian Perindustrian Dan Sumber-Sumber Utama

Yang Mulia Hajah Normah Suria Hayati Binti Pehin Jawatan
Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd
Jamil Al-Sufri

Setiausaha Tetap

Kementerian Perindustrian Dan Sumber-Sumber Utama

Yang Mulia

Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap

Kementerian Perindustrian Dan Sumber-Sumber Utama

Yang Mulia

Ketua-Ketua Jabatan,

Ketua-Ketua Pusat dan Bahagian

Pegawai-pegawai Kanan,
Pegawai dan kakitangan jabatan dan bahagian di bawah
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama serta
hadirin hadirat yang saya hormati sekalian

Segala puji-pujian bagi Allah Subahanahu Wata'ala, selawat
dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad
Salallahu Alaihi Wasalam, keluarga serta para sahabat dan
juga pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga
ke akhir zaman.

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN
SALAM SEJAHTERA**

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama bersyukur kehadiran
Allah Subahanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat
dan hidayahNya juga, kita semua sekali lagi dipertemukan di
bulan kemenangan ini bagi meraikan Majlis Sambutan Hari
Raya Aidilfitri Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber
Utama pada tahun ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya
Aidilfitri serta memohon maaf zahir dan batin kepada semua
warga Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
dan Jabatan-Jabatan di bawahnya. Di kesempatan ini juga,
saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan
ucapan terima kasih kepada pihak pengajur kerana telah

mengundang saya selaku Tetamu Kehormat di majlis yang berkebajikan pada malam ini.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

Tema sambutan Majlis Hari Raya Aidilfitri Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pada tahun ini iaitu “NASI RAYA” adalah adalah satu konsep yang bermakna bagi Kementerian ini khasnya dan kepada Negara Brunei Darussalam umumnya. Nasi adalah makanan utama kitani dan penamanan padi adalah salah satu inisiatif utama Kementerian ini dalam mendokong hasrat yang tersirat dalam agenda bagi memantapkan sekuriti makanan negara.

Pada malam ini, melalui peraduan “Pondok Nasi Raya” kita akan mengetengahkan pelbagai resepi berdasarkan beras tempatan. Ianya bukan saja semata-mata untuk memperagakan resepi makanan di kalangan warga Kementerian ini, tetapi ianya adalah bermotifkan kepada salah satu langkah yang di orak untuk meningkatkan penerimaan dan populariti beras tempatan dan seterusnya mendokong perkembangan perusahaan komuniti peladang yang mengeluarkan beras tempatan.

Selain dari mencungkil kepelbagaian resepi nasi dan kreativiti warga Kementerian, acara kita pada malam ini berhasrat

untuk memupuk semangat kerjasama dan mengeratkan lagi perhubungan silaturrahim di kalangan warga Kementerian dan keluarga masing-masing. Saya penuh percaya bahawa warga Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama memang mempunyai minda yang kreatif dan inovatif yang patut di gilap dan diserlahkan samada melalui perlaksanaan tugasan seharian ataupun dalam mengungkayahkan Majlis-Majlis seperti ini.

Hadir dan hadirat sekalian,

Dalam suasana kegembiraan ini, saya sukacita ingin mengambil kesempatan menyatakan bahawa kitani tidak pernah lupa kepada golongan yang kurang bernasib baik. Saya cukup berbangga dan bersyukur di atas beberapa inisiatif pegawai-pegawai di Kementerian ini yang telah menjayakan beberapa aktibiliti-aktibiliti berkebajikan seperti “Food Drive”; “Charity Bazaar” dan “Charity Golf” yang diungkayahkan dengan tujuan untuk menggumpul makanan dan derma kepada mereka yang mengalami kesukaran kewangan dan mangsa bencana alam. Saya berharap usaha-usaha “community outreach” seumpama ini akan dapat diperluas dan dibudayakan di Kementerian ini sesuai dengan konsep persaudaraan yang dipelopori dan di pandang mulia di sisi Ugama Islam dan masyarakat Brunei.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Buat akhirnya, saya sukacita ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Jabatan Kemajuan Pelancongan, Pusat Promosi dan Pemasaran dan Unit Ease of Doing Business selaku Jawatankuasa Penganjur Bersama Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Kementerian Perindustrian Dan Sumber-Sumber Utama bagi tahun 1435H/2014M serta semua pegawai dan individu yang terlibat bagi menjayakan sambutan pada tahun ini. Semoga Allah Subahanahu Wata'ala akan memberikan ganjaran dan pahala kepada biskita semua jua, lebih-lebih lagi dalam mengeratkan jalinan silaturrahim di antara warga Kementerian Perindustrian Dan Sumber-Sumber Utama.

Wabillahittaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakathu.